

Isu alam sekitar menuntut integriti ma

B-M 30/06/08 M/S 10

Oleh Jamhariah Jaafar

RAKYAT wajar menganggap penstrukturan semula subsidi berikutan lonjakan harga minyak global sebagai satu 'hikmah', kerana ia bukan saja akan memaksa setiap orang belajar berjimat malah secara langsung membantu mengurangkan pengeluaran karbon yang menjadi penyumbang utama kepada perubahan cuaca negara ini.


Sikap tidak prihatin majoriti rakyat dan pelaksana undang-undangnya menyaksikan negara ini mempunyai lebih 100 tempat pelupusan sampah yang tidak mesra alam.

Keadaan diburukkan lagi dengan sikap rakyat yang tidak gemar mengitar semula bahan buangan. Kesannya, kira-kira 90.3 peratus daripada 753.393 tan sisa plastik berakhir di tempat pembuangan sisa pepejal.

Ini adalah pemerhatian yang dibentang Presiden Institut Integriti Malaysia, Datuk Dr Mohd Salleh Mohd Tap (**gambar**), pada Forum Integriti Dalam Pemuliharaan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim baru-baru ini dan beliau menegaskan, perubahan sikap ini hanya boleh dilakukan sekiranya setiap rakyat menjadi insan yang benar-benar berintegriti.

"Insan yang berintegriti semestinya tidak mahu mengulangi kesilapan yang pernah dilakukan sebelum ini dan sentiasa cintakan kesejahteraan sejagat. Untuk menjadi insan berintegriti yang menghormati alam sekitar, kita boleh melakukannya dengan cara yang cukup mudah.

"Tidak membuang sampah di merata



tempat, menutup lampu apabila keluar bilik, tidak membazirkan sumber alam seperti air dan bahan bakar serta mengguna semula barangan yang boleh digunakan, terutama kertas, plastik dan aluminium.

"Selain menjimatkan, ia sekali gus dapat menyelamatkan alam ini daripada menjadi timbunan sampah. Statistik menunjukkan setiap hari kita membuang kira-kira 70 juta tan metrik bahan pencemar yang boleh membawa kepada pemanasan global, dan angka ini tidak pernah berkurangan, malah bertambah setiap hari, seolah-olah planet yang indah ini tempat pembuangan sampah yang besar," katanya.

Beliau berkata, sejak permulaan revolusi industri yang menjadi amalan Malaysia kira-kira setengah abad lalu, penggunaan ba-

han bakar fosil meningkatkan tahap karbon dioksida ke tahap yang membimbangkan.

Berikutan itu katanya, tekanan kenaikan kos sara hidup kini boleh dianggap sebagai 'kebaikan' kerana ia membuatkan rakyat mengubah sikap hampir serta-merta dengan tindakan mengurangkan penggunaan petrol dan bahan api lain, sekali gus mengurangkan kesan buruk ke atas alam sekitar.

"Kita boleh melakukannya dengan berkongsi kereta ke pejabat atau menggunakan kenderaan awam sekiranya ada. Yang penting, kita mestilah mempunyai kesungguhan untuk berubah," katanya mematkan senyuman sinis mereka yang mendengar.

Beliau berkata, laporan *Newsweek* edisi 9 Jun lalu menganggarkan bahawa dunia kini boleh menjimatkan 25 peratus penggunaan minyak hanya dengan cara yang cukup mudah seperti menutup lampu apabila tidak digunakan, memandu mengikut had laju ditetapkan, dan menggunakan 'teknologi mesra alam'.

Dr Salleh berkata, perubahan sikap manusia kini semakin menggalakkan terutama sejak isu alam sekitar serta peningkatan karbon dan pemanasan global dibincang secara serius. Bencana alam seperti tsunami dan Nargis yang luar biasa, turut membuatkan manusia semakin peka terhadap perlunya perubahan sikap.

Dengan pengeluaran kadar karbon dioksida berada pada paras tertinggi sejak 750,000 tahun lalu, ditambah pula dengan peningkatan kadar gas metana, bumi dijangka mengalami peningkatan suhu antara 1.4 - 5.6 darjah Celsius antara 1990

asyarakat

hingga 2100.

"Bayangkan apa akan berlaku kepada dunia sekiranya ia tidak dibendung. Jika ditanya kepada generasi tua yang pernah ke Cameron Highlands dua atau tiga dekad lalu, mereka pasti boleh membezakan keadaan dulu dan sekarang, dengan kehijauannya menyejukkan mata memandang dan suhunya nyaman, bukannya gondol dan panas seperti sekarang. Tanyalah diri kita, siapa yang rugi?," soalnya.

Katanya, usaha untuk meningkat kesedaran mengenai pemuliharaan alam sekitar sebenarnya adalah satu daripada elemen yang digaris di bawah sasaran kelima Pelan Integriti Nasional (PIN) iaitu di bawah tajuk 'Meningkatkan Kualiti Hidup dan Kesejahteraan Masyarakat'.

Justeru, sempena Hari Alam Sekitar pada 5 Jun lalu, katanya, tema dipilih 'Integriti dalam Pemuliharaan Alam Sekitar dan Perubahan Iklim' kerana ia penting untuk mengaitkan integriti, sama ada pada peringkat individu atau masyarakat, dengan usaha pemuliharaan alam sekitar dan menangani isu perubahan iklim.

"Perubahan iklim, disebabkan kerakusan manusia yang tidak berintegriti, kini menjadi satu ancaman besar kepada 6.5 bilion penghuni planet ini," katanya dan menambah Malaysia tidak terkecuali daripada menerima kesan perubahan iklim itu.

Selain turut menerima padah daripada tragedi tsunami pada Disember 2006, banjir luar biasa pernah melanda Johor pada 2006 dan fenomena El Nino dan La Nina turut menyebabkan kejadian jerebu.

"Kita pasti tidak dapat melupakan bencana jerebu yang beberapa kali melanda negara, kualiti udara tercemar ke tahap yang berbahaya sehingga memaksa banyak sekolah ditutup.

"Ramai di antara kita memakai topeng apabila keluar rumah, seolah-olah kita bukan lagi berada di bumi yang nyata, tetapi menjadi pelakon dalam skrin wayang yang biasa kita tonton," katanya mengenai padah jerebu berikutan pembakaran terbuka secara besar-besaran.

Dr Salleh turut menyentuh mengenai pencemaran sungai yang semakin meningkat kerana perbuatan tidak berintegriti di kalangan rakyat negara ini.

Katanya, daripada 146 sungai yang dikenal pasti di negara ini, kurang separuh didapati bersih kualiti airnya, manakala 15 didapati tercemar dan sembilan diklasifikasikan sebagai sudah 'mati'.

"Sungai Juru yang dulu dipenuhi udang dan ikan, contohnya, kini tidak lagi boleh memberikan sebarang hasil tangkapan..... hanya menjadi longkang besar semata-mata dan menjijikkan pandangan.

"Kita juga pasti masih ingat gambar di dalam media yang memaparkan rakyat negara ini, termasuk warga emas dan kanak-kanak, beratur panjang untuk mengisi air dari lori tangki apabila berlaku kemarau panjang. Apabila berlaku kemarau, air sungai sering kali tidak dapat diproses untuk diminum kerana tercemar.

"Sikap tidak berintegriti sebahagian rakyat negara ini, terutama pengusaha kilang dan ternakan yang menyalurkan sisa buangan terus ke dalam sungai menjadi punca Akhirnya, orang yang tidak berdosa menjadi mangsa kerakusan mereka yang tidak menghormati alam sekitar ini," katanya.